

Beberapa Aturan Adat .

Luak Jemrol

Beberapa Aturan Adat

Luak Jempol

Perbilangan Adat Perpateh
Yang Serbaguna Dalam
Adat Sehari

Ini patut diketahui oleh orang-orang yang beradat dan tiap-tiap orang yang berpegang tegoh kepada adat perpateh khasnya kaum laki-laki sebab didalam perbilangan ini banyak sekali perpecahannya. Didalam hidup kita bermasyarakat didalam negeri ini, perbilangan ini khas bagi negeri ini daripada Datok Perpateh mula menjejak kaki ke Sri Menanti, sampai ia mengator adat dan pantang larangnya yang disetujui oleh benar yang empat iaitu benar orang-orang, benar awak, benar adat benar syarak. Sesiapa yang meninggalkan salah satu daripadanya itu, bukannya adat Perpateh katanya sebab adat perpateh, rujukannya kepada syarak bukan kepada Perpateh. Tiap-tiap adat mengempang ada olahannya. Kata adat mencari jalan yang baik. Kalau orang yang beradat malah gunakan adat kelaut tumpah karam, kedarat siar bakar, kok tak patah tiek, kok tak pekong jingkek adatnya, kadang-kadang membawa kepada orang yang melakukannya sebab sumpahan orang ramai tak mengikut rujukan kepada syarak.